

Air pasang besar dijangka Jumaat

SHAH ALAM: Penduduk Lembah Klang, terutama di Selangor diminta bersedia menghadapi sebarang kemungkinan akibat air pasang besar yang dijangka bermula Jumaat ini hingga 10 Oktober dengan hujan dan ribut waktu petang dan senja.

Beberapa kawasan rendah di Lembangan Sungai Klang serta Sungai Damansara dijangka dinaiki air dan bertambah buruk jika hujan di bahagian hulu lembangan melebihi 60 milimeter.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Abdul Fatah Iskandar, berkata sebagai langkah persediaan, penduduk perlu menghubungi pejabat daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atau pihak berkuasa tempatan masing-masing.

Katanya, ia tidak dapat dielak kerana air pasang besar akan berlaku pada tarikh berkenaan.

"Masalah mungkin tidak timbul jika tidak berlaku hujan di kawasan hulu pada tarikh itu tetapi jika air pasang dan hujan lebat sebelumnya, banjir mungkin berlaku," katanya semalam.

Abdul Fatah berkata, JPS sudah mengambil tindakan awal bagi menangani masalah banjir dengan memeriksa struktur binaan kawalan banjir, benteng sungai serta pantai dan menempatkan pam bergerak di lokasi yang dikenal pasti.

Selain itu, JPS meninggikan ban, terutama di lokasi rendah di sepanjang Sungai Damansara, melaksanakan kerja penyenggaraan sungai terutama Sungai Damansara, menambah baik sistem amaran banjir di kawasan terbabit dan mengukuhkan serta meninggikan benteng pantai.